



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD adalah bertanggungjawab dalam menyediakan satu suasana dan persekitaran pekerjaan yang sihat dan selamat kepada semua pekerja, pelanggan, kontraktor, pembekal dan orang awam yang bekerja atau berurusan di LADANG-LADANG PKPP PLANTATION SDN. BHD.

Kami bertanggungjawab dalam :-

- a. Memastikan segala peraturan yang termaktub dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dipatuhi dengan sepenuhnya ;
- b. Melindungi semua pihak yang bekerja dan berurusan dengan kami daripada kemalangan dan kecederaan melalui langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian.

Menjadi iltizam dan komitmen kami untuk memastikan pekerja kami mengutamakan "KESELAMATAN" dalam melaksanakan pekerjaan masing-masing dan mempunyai tanggungjawab dan akauntabiliti ke atas keselamatan diri mereka dan keselamatan orang lain di sekeliling mereka termasuk orang awam.

Bagi memastikan matlamat dan komitment kami ini dicapai, kami akan :

- a. Menyediakan maklumat dan arahan keselamatan;
- b. Menyediakan latihan dan pendedahan kepada semua pekerja secara berterusan kearah memupuk Budaya Kerja Yang Sihat dan Selamat;
- c. Menyediakan pekerja kami dengan Pakaian Pelindung Diri (PPE) yang sesuai dan mencukupi.

"KE ARAH BUDAYA KERJA YANG SIHAT DAN SELAMAT"


HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH

Pengaruh
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)

POLISI TANAM SEMULA

PKPP Plantation Sdn, Bhd. menitik beratkan perlaksanaan amalan pertanian baik untuk menjalankan penanaman semula bagi memastikan keupayaan penghasilan ladang dengan impak yang minima kepada pendapatan semasa dan operasi syarikat pada masa akan datang.

Dalam melaksanakan tanam semula pihak PKPP Plantation Sdn. Bhd. menitikberatkan dua perkara iaitu perlaksanaan amalan pertanian baik dan pemeliharaan kawasan semasa penanaman semula.

Kriteria-kriteria kawasan yang hendak ditanam semula ialah :-

- ❖ Pokok yang telah berumur 25 tahun keatas.
- ❖ Kawasan yang terkena serangan atau penyakit yang tinggi dengan kesan kerosakan melebihi 50% daripada dirian pokok atau hasil.
- ❖ Kawasan-kawasan yang mengalami kerosakan disebabkan musuh perosak dan banjir.

Di samping mengamalkan amalan pertanian baik(GAP) pihak PKPP Plantation Sdn. Bhd. memastikan aspek pemeliharaan alam sekitar dilaksanakan iaitu :-

- ❖ Mematuhi semua garispanduan dan undang-undang pemeliharaan alam sekitar.
- ❖ Mengelakkan dan mengalakan pertumbuhan tanaman penutup bumi.
- ❖ Tidak melakukan penanaman di kawasan berkecerunan tinggi dan membahaya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Sarwah".

HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH

Pengarah
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020




POLISI MSPO

PKPP PLANTATION SDN BHD

PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD adalah organisasi yang komited untuk menjadi sebagai pengeluar minyak sawit mampan menerusi Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Prinsip-prinsip yang kami junjung dalam usaha perladangan kami adalah saperti berikut:-

- PRINSIP 1** Pengurusan yang komited dan bertanggungjawab dalam mematuhi setiap amalan MSPO dengan menekankan penambahaikan secara berterusan.
- PRINSIP 2** Ketelusan penyampaian dan penggunaan maklumat serta dokumen kepada umum.
- PRINSIP 3** Pematuhan kepada semua keperluan undang-undang yang berkaitan
- PRINSIP 4** Bertanggungjawab terhadap sosial, kesihatan, keselamatan dan syarat-syarat pekerjaan
- PRINSIP 5** Memelihara alam sekitar, sumber semulajadi yang mempunyai nilai biodiversiti tinggi dan perkhidmatan ekosistem yang memberi nilai positif kepada alam semulajadi.
- PRINSIP 6** Melaksanakan amalan baik dalam operasi pengurusan ladang
- PRINSIP 7** Pembangunan penanaman baru adalah mematuhi keperluan undang-undang tanpa memberikan impak kepada alam sekitar dan sosial.

Objektif kami adalah untuk memastikan pekerja, pembekal, kontraktor, rakan perniagaan dan pihak berkepentingan dalam perniagaan kami berkerjasama mematuhi undang-undang dan peraturan, terbuka kepada penambahbaikan berterusan dan seterusnya mencapai matlamat untuk memelihara kepentingan awam, alam sekitar dan keuntungan syarikat.



HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH
Pengarah
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)

POLISI ALAM SEKITAR

PKPP PLANTATION SDN BHD melancarkan Polisi Alam Sekitar bertujuan untuk memastikan alam sekitar di kawasan pejabat, ladang, stor dan kediaman pekerja ladang mahupun kakitangan dalam keadaan bersih, selamat nyaman dan mematuhi akta-akta alam sekitar.

Bagi memelihara alam sekitar untuk mencapai matlamat tersebut, pihak syarikat mematuhi :-

- ✓ Memelihara ekosistem dan memastikan kepelbagaiannya biologi.
- ✓ Tiada penebangan hutan secara haram dilakukan di dalam kawasan ladang.
- ✓ Mendidik kakitangan dan pekerja supaya mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar dalam semua operasi.
- ✓ Komunikasi dan menggalakkan semua pekerja sentiasa mengamalkan dan menegakkan keimbangan terhadap penjagaan alam sekitar.
- ✓ Memastikan kakitangan, pekerja dan individu-individu yang berurusan dengan Syarikat atau Ladang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap perlindungan alam sekitar ketika membentuk, merancang dan melaksanakan tugas atau aktiviti masing-masing.
- ✓ Mengadakan zon penampnan di kedua-dua belah tebing sungai
- ✓ Zon penampnan akan dilindungi dengan vegetasi semasa tanpa apa-apa input agrokimia.
- ✓ Sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang telah ditetapkan bagi memastikan alam sekitar dalam keadaan selamat, bersih dan sihat.
- ✓ Tiada pembakaran secara terbuka.

A handwritten signature in black ink.

HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH
Pengaruh
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (335729-W)


POLISI ETIKA KERJA

PKPP PLANTATION SDN BHD amat menitik beratkan budaya kerja yang beretika dan berintegriti dalam pengurusan ladang.

Pihak PKPP Plantation Sdn. Bhd. juga komited dalam :-

- Melaksanakan setiap urusan dengan Amanah, Telus, Jujur dan Adil.
- Memerangi amalan Rasuah, Pecah Amanah, Penyelewengan Kuasa dan Korupsi.
- Melindungi maklumat dan kerahsiaan syarikat selaras dengan etika penghembahan maklumat mengikut peraturan.

Dalam membentuk budaya kerja yang sihat dan meningkatkan tahap profesionalisme.


HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH
Pengarah
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)

POLISI GANGGUAN SEKSUAL

PKPP PLANTATION SDN BHD, bertanggungjawab mewujudkan suasana kerja yang bebas daripada gangguan seksual dan jenayah seksual samada secara lisan, isyarat, visual, psikologi dan sentuhan fizikal.

PKPP PLANTATION SDN BHD, akan memastikan setiap aduan akan diambil tindakan segera bagi melindungi dan memelihara hak-hak wanita.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Sarwah".

HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH

Pengaruh

PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)

POLISI HAK ASASI MANUSIA & SOSIAL

Pihak PKPP PLANTATION SDN BHD. komited dalam menyokong Hak Asasi Manusia. Bagi mrealisasi polisi ini, pihak PKPP Plantation Sdn. Bhd. mengambilkira keperluan-keperluan hak asasi manusia dalam merangka dan menyediakan manual, prosedur dan lain-lain.

Antara usaha-usaha Pihak PKPP Plantation Sdn. Bhd. melindungi hak asasi manusia adalah dengan :-

- ✓ Tidak mengambil pekerja di bawah umur (<18 tahun).
- ✓ Membayar gaji yang mematuhi Perintah Gaji Minimum.
- ✓ Memberi tunjuk ajar dan berkongsi ilmu pengetahuan kepada pekerja baru.
- ✓ Mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan buruh yang berkaitan.
- ✓ Menghormati hak-hak kebebasan untuk bersuara.
- ✓ Menyediakan kediaman yang selamat, bersih dan sesuai kepada pekerja.
- ✓ Menghormati hak-hak untuk hidup dengan kehidupan yang bebas daripada diskriminasi.
- ✓ Mendapat hak rawatan apabila berlaku sebarang kemalangan.
- ✓ Menghormati hak-hak kebebasan beragama dan mengamalkan kepercayaan.
- ✓ Menyumbang terhadap pembangunan sosial ekonomi masyarakat setempat.
- ✓ Pihak syarikat memberi kebebasan menganggotai kesatuan sekerja yang berdaftar dan sah.

Pihak ladang akan berterusan dan komited untuk membangunkan sosial di kalangan pekerja dan masyarakat setempat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zul" or "Zulqarnain".

HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH

Pengarah

PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020



PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)


POLISI PELINDUNGAN TANAH CURAM

PKPP Plantation Sdn. Bhd. bertanggungjawab melindungi tanah kawasan curam bagi mengelakkan degradasi tanah dan mengawal hakisan.

Kaedah-kaedah melindungi kawasan tersebut adalah :-

- ❖ Menanam kekacang menutup bumi.
- ❖ Tidak melakukan aktiviti penanaman sawit di kawasan berkecerunan tinggi.
- ❖ Membuat teres dan penggunaan kaedah yang sesuai bagi mengurangkan hakisan.
- ❖ Mengelakkan ekosistem sedia ada di kawasan curam.
- ❖ Mendapat khidmat nasihat dari pihak Jabatan Alam Sekitar dan Agensi-Agenis Kerajaan.

PKPP Plantation Sdn. Bhd. juga komited dengan menjaga dan mengekalkan vegetasi semasa bagi melindungi kawasan-kawasan tanah curam.


HAJJAH SARWAH BINTI MOHAMED JUSOH
Pengaruh
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020




PKPP PLANTATION SENDIRIAN BERHAD (338729-W)

POLISI PENGAMBILAN PEKERJA ASING

PKPP Plantation Sdn. Bhd. bertanggungjawap mengambil pekerja asing secara sah bagi mengisi kekosongan pekerjaan didalam sektor perladangan kelapa sawit kerana masalah kekurangan tenaga kerja tempatan.

Dasar pengambilan pekerja asing adalah :-

- ❖ Mengambil tenaga asing dari negara yang diluluskan tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan akta-akta yang berkuat kuasa di Malaysia.
- ❖ Menggajikan pekerja asing mengikut perintah gaji minima yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia.
- ❖ Memberi latihan cara bekerja dan mengadakan program bagi pekerja asing mengenai Akta dan Perundangan buruh, keselamatan pekerjaan dan sensitiviti budaya setempat.
- ❖ Semua pekerja asing dilindungi insuran.
- ❖ Semua pekerja asing disediakan tempat tinggal atau perumahan yang selayaknya.


HAJJAH SARWATI BINTI MOHAMED JUSOH
Pengarah
PKPP Plantation Sdn Bhd

Tarikh : 01hb. November, 2020